

NO. SOALAN: 453

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO

RUJUKAN : 9815

SOALAN:

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan ladang ketum yang berlesen dan tidak berlesen di setiap negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan mengikut keluasan setiap ladang tersebut dan adakah ladang-ladang ini beroperasi dengan sah. Jika tidak apakah tindakan kerajaan untuk menghentikan pengoperasian ladang-ladang ini.

JAWAPAN:

Kementerian memandang serius terhadap isu ketum di negara ini di mana tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap ketum adalah dilaksanakan di bawah peruntukan Akta Racun 1952. Kandungan kimia alkaloid bersifat psikoaktif iaitu *Mitragynine* telah disenaraikan di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 (Akta 366). Di bawah Akta ini, sesiapa yang mengimport, mengeksport, mengeluarkan, memproses, memiliki, membekal atau menggunakan bahan psikoaktif yang tersenarai di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 adalah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 30, yang mana jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dijatuhkan hukuman pemenjaraan tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya sekali.

Buat masa ini, belum ada ketetapan dalam perundangan negara sama ada terdapat kesalahan atau sebaliknya tentang penanaman pokok ketum. Pihak Polis Diraja Malaysia tidak mempunyai data lengkap tentang jumlah keluasan tanah yang ditanam dengan pokok ketum dan masih menganggap tanaman ketum sebagai tanaman pertanian yang biasa sehingga satu ketetapan dibuat mengenainya.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Dalam Negeri bersama-sama Kementerian Kesihatan juga sedang dalam tindakan untuk meminda Akta

Racun 1952 bagi meningkatkan kawalan terhadap ketum dan mengenakan denda serta hukuman yang lebih berat bagi kesalahan-kesalahan berkaitan penanaman dan pengedaran ketum.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN KASTHURIRAANI A/P
DARIPADA PATTO [BATU KAWAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan agihan jenis peruntukan Kerajaan persekutuan bagi setiap sekolah agama, sekolah 'missionari', SJKC dan SJKT di Prai, Bukit Tengah dan Bukit Tambun dari tahun 2008 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia menyalurkan peruntukan mengurus kepada semua sekolah vernakular dan sekolah agama yang berdaftar dengan KPM. Bantuan tersebut berbentuk bantuan penuh bagi Sekolah Kerajaan dan Bantuan Modal bagi Sekolah Bantuan Kerajaan. Bagi Tahun 2008 hingga 2016, peruntukan mengurus yang disalurkan bagi SJK(C) adalah sebanyak RM17,174,462,539.00 dan SJK(T) sebanyak RM6,631,256,657.00. Peruntukan tersebut termasuk di negeri Pulau Pinang.

Bantuan persekolahan juga diberikan kepada sekolah dan murid berdasarkan enrolmen dan kriteria-kriteria tertentu. Bantuan persekolahan tersebut melibatkan bantuan umum, bantuan khusus dan bantuan *one-off*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan peruntukan pembangunan kawasan Parlimen Batu Kawan dibawah Jabatan Perdana Menteri dari tahun 2008 sehingga kini dan baki daripada peruntukan pembangunan kawasan Parlimen Batu Kawan serta mekanisme untuk Ahli Parlimen memohon untuk pembangunan dikawasan Batu Kawan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 10 Mac 2017, sebanyak 954 projek/program berjumlah RM15.46 juta telah diluluskan bagi Parlimen Batu Kawan.

Bagi mekanisme permohonan untuk pembangunan kawasan Parlimen, semua pihak boleh mengemukakan cadangan permohonan ke Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri dan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada keutamaan, keperluan dan kedudukan kewangan Kerajaan serta garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.